



SG Digital

Kit Permulaan
di PayNow

TAHUKAH ANDA?

Dengan menggunakan PayNow, anda boleh menghantar dan menerima wang dalam dolar Singapura dari satu bank kepada bank yang lain secara serta-merta dengan menggunakan nombor telefon bimbit yang berdaftar atau Kad Pengenalan Singapura NRIC/FIN.



Langkah 1

Muat turun aplikasi bank pilihan di telefon bimbit anda

Sila ke **Apple App Store** atau **Google Play Store** untuk memuat turun mana-mana aplikasi bank yang menyokong PayNow dan lancarkan aplikasi.

Contoh bank yang terlibat dan menyokong PayNow



Anda perlu memuat turun dan aktifkan perbankan Internet untuk akaun bank anda sebelum menggunakan PayNow.


Anda boleh menerima bantuan (jika perlu) di kaunter cawangan bank yang terdekat.

Langkah 2

Pautkan PayNow ke akaun bank anda



1. Lancarkan aplikasi bank pilihan anda dan pautkan ke nombor telefon bimbit anda/atau Kad Pengenalan Singapura NRIC/FIN.



2. Masukkan nama ringkas anda untuk akaun PayNow, elak menggunakan nama penuh supaya anda tidak boleh dikenal pasti setelah anda mula menggunakan PayNow.



2FA diterima!

SMS OTP:
1 8 1 8

Anda akan menerima **2FA (e.g. SMS OTP)** untuk pengesahan sebelum melengkapkan pendaftaran.

Langkah 3


Imbas QR PayNow dengan menggunakan aplikasi bank anda untuk membuat bayaran



1. Lancar aplikasi bank pilihan anda dan pilih fungsi imbas QR dalam aplikasi untuk mendapatkan QR PayNow.



2. Imbas QR PayNow yang dipaparkan oleh saudagar dan semak nama tersebut.



3. Masukkan jumlah transaksi dan sahkan nama saudagar yang tertera pada telefon bimbit anda sebelum membuat bayaran.



4. Anda akan menerima pesanan notifikasi pembayaran. Jumlah itu akan serta-merta dipotong daripada akaun bank anda dan dikreditkan kepada saudagar.

Panduan Keselamatan Siber (Kredit: Agensi Keselamatan Siber Singapura)



- Jangan mendedahkan kata laluan, OTP atau maklumat peribadi yang lain kepada sesiapa sahaja atau laman web yang tidak diketahui.
- Jangan simpan maklumat perbankan dan peribadi anda di peranti dan laman web anda. Log keluar setelah menyelesaikan transaksi.
- Siapkan peringatan notifikasi SMS / e-mel untuk transaksi perbankan anda supaya anda dapat memantau setiap aktiviti yang mencurigakan.



MEMBANTU ANDA MENJALINKAN HUBUNGAN YANG BERMAKNA



Kerana hidup lebih indah ketika anda berhubung

Seniors Go Digital adalah program yang direka khas untuk membantu anda memulakan perjalanan digital anda, dengan sumber dalam talian dan sesi pembelajaran yang menyenangkan yang akan membolehkan anda memperoleh kemahiran baru.

Ketahui lebih lanjut



go.gov.sg/SeniorsGoDigital



6377 3800



info@sdo.gov.sg